

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) ekoran permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ogos 2020 supaya tidak menangguhkannya berasaskan pelaksanaan kajian National Airport Strategic Plan (NASP).

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, mesyuarat Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) Ke-35 (Bil.2/2020) yang telah bersidang pada 13 Ogos 2020 antara lain telah memutuskan supaya mana-mana Kerajaan Negeri yang mempunyai sebarang cadangan untuk menaiktaraf lapangan terbang sedia ada di negeri masing-masing hendaklah mengadakan rundingan bersama Kementerian Pengangkutan.

2. Dalam hubungan ini, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, YB Menteri Pengangkutan telah mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat pada 27 Ogos 2020 bagi cadangan pelaksanaan projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA). Semasa pertemuan tersebut, pihak Kementerian telah memaklumkan bahawa

NO. SOALAN : 21

bahawa disebabkan penularan wabak disebabkan penularan wabak COVID-19 yang telah memberi kesan negatif terhadap industri penerbangan negara terutama kemampuan kemampuan MAHB untuk membiayai projek tersebut. Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan dijangka memerlukan tempoh masa 3 tahun untuk pulih sepenuhnya dari impak wabak COVID-19, tertakluk kepada situasi semasa penularan wabak tersebut di dalam dan luar negara.

3. Berdasarkan perkembangan terkini dan kekurangan permintaan dalam industri penerbangan negara, projek ini akan ditangguhkan sehinggalah industri penerbangan dipulihkan. Untuk tempoh ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang disaran untuk segera menyelesaikan beberapa isu termasuk pengambilan tanah bagi membolehkan projek naiktaraf LTAPP dilaksanakan setelah industri penerbangan pulih.

4. Pada masa yang sama, bagi memastikan keperluan pembangunan jangka panjang lapangan terbang/padang terbang di Malaysia berdasarkan keperluan industri semasa mengambil kira impak COVID-19 dan keperluan sistem jaringan kesalinghubungan pengangkutan negara, Kementerian Pengangkutan akan melaksanakan kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) yang akan bermula pada tahun 2021 dan dijangka akan dimuktamadkan pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.